

24 NOV 2000

TONGKAH-KEUNTUNGAN

TONGKAH YAKIN DAPAT MERAIH KEMBALI KEUNTUNGAN

KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Tongkah Holdings Bhd yakin dapat meraih kembali keuntungan untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun, 2001 berikutan pulihnya keadaan ekonomi negara.

Pengerusi eksekutif dan ketua pegawai eksekutif Mokhzani Mahathir berkata pemulihan ekonomi ini telah menyediakan peluang perniagaan yang kukuh kepada kumpulan yang terlibat di dalam aktiviti pengilangan, pembinaan, kuari dan urusniaga.

Beliau berkata kerugian yang dialami tahun lepas adalah ekoran peruntukan kerugian luarbiasa yang antaranya termasuk peruntukan untuk hutang ragu dan penyusutan nilai pelaburan dalam anak-anak syarikat.

Untuk tahun kewangan yang berakhir 30 Jun, 2000, Tongkah mencatatkan kerugian sebelum cukai RM121.176 juta dengan RM128.176 juta peruntukan untuk perkara-perkara luarbiasa.

"Jika semua yang dirancangkan berjaya dan tiada sebarang hapuskira yang kami rasakan mungkin tidak akan berlaku, kami mungkin mencatatkan keuntungan yang sebenarnya," kata Mokhzani kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan dan luarbiasa syarikat yang diadakan di sini.

Menjawab satu soalan, beliau berkata syarikat akan memberi tumpuan kepada pertumbuhan organik dan bukannya menerokai bidang-bidang perniagaan baru melalui pemilikan.

Oleh yang demikian, beliau berkata Tongkah akan mengukuhkan lagi operasinya terutama operasi pengilangan bagi memulihkan semula keuntungan dan ini termasuklah menyuntik modal-modal baru.

"Kami akan memberi tumpuan kepada Tongkah Electronics, Tongkah Mouldings dan Tongkah Granite dan akan memastikan ketiga-tiga syarikat ini mempunyai asas kewangan yang kukuh," tambah beliau. -- BERNAMA

MOT FR AA